



# The Observer

**05.05.2023**

## ❖ Menyediakan medan permainan yang sama rata

Pendedahan yang telus dan tepat pada masanya oleh syarikat tersenarai adalah penting untuk memudahkan pelabur membuat keputusan pelaburan termaklum, meningkatkan reputasi korporat sebagai organisasi yang boleh diharapkan dan boleh dipercayai, memupuk pasaran yang cekap dan adil serta mengelakkan perdagangan orang dalam.

Perenggan 9.08 (1) dan (2) daripada Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama dan Pasaran Ace mewajibkan penerbit tersenarai untuk menyiarkan maklumat yang material kepada umum mengikut cara yang membolehkan penyebaran kepada umum dibuat dengan menyeluruh sedapat yang mungkin.

Penerbit tersenarai perlu memastikan bahawa tiada maklumat penting didedahkan secara individu atau terpilih kepada penganalisis, pemegang saham, wartawan atau orang lain melainkan maklumat tersebut telah dizahirkan dan disebarikan sepenuhnya kepada umum. Jika maklumat material secara tidak sengaja didedahkan dalam mesyuarat kepada penganalisis, pemegang saham, wartawan atau orang lain, ia mesti disebarikan secara terbuka secepat yang mungkin.

Memang tidak dinafikan pelabur institusi mempunyai kelebihan tertentu berbanding pelabur runcit.

Mereka mempunyai keistimewaan untuk dijemput ke kilang atau lawatan tapak dan taklimat keputusan syarikat. Mereka juga mempunyai akses kepada pihak pengurusan di peringkat atasan untuk maklumat terkini mengenai strategi syarikat, pandangan industri, status pelaksanaan korporat, pemerolehan pelanggan baharu, pelancaran produk baharu dan sebagainya. Secara kolektif, maklumat ini berhubung rapat dengan prestasi sesebuah syarikat pada masa hadapan.

Walaupun pengetahuan dan maklumat di atas mungkin dianggap tidak material, kebiasaan dengan industri dan prospeknya, perniagaan dan serta pengurusannya memberikan pelabur institusi beberapa kelebihan berbanding pelabur runcit biasa.

Sebagai contoh, dalam taklimat keputusan suku tahunan baru-baru ini yang dijalankan semasa waktu dagangan, terutamanya untuk pengurus dana dan penganalisis, sebuah syarikat sarung tangan berkongsi bahawa harga jualan purata sarung tangan sudah kembali ke tahap prapandemik. Sama ada secara kebetulan atau tidak, volum dagangan syarikat dan harga saham turut melonjak semasa sesi

dagangan yang sama, menjadikannya saham yang paling aktif didagangkan pada hari itu. Lonjakan itu tidak terhad kepada syarikat sarung tangan itu sahaja malahan kesemua saham sarung tangan “Empat Terbesar” yang disenaraikan, yang mana kesemuanya mencatatkan keuntungan yang ketara dalam harga saham dan merupakan antara 20 saham teratas paling aktif didagangkan pada hari itu.

Dari satu sudut, pandemik Covid-19 telah mencetuskan peningkatan jumlah mesyuarat yang diadakan secara maya. OM Holdings Limited, penyenaian silang pertama di Bursa Malaysia dan Australia Securities Exchange, menjemput semua pemegang saham dan pihak berkepentingan untuk menyertai acara pembentangan untuk pelabur bagi suku pertama 2021 yang diadakan secara maya pada 1 September 2021, sejeurus selepas ia disenaraikan pada 22 Jun 2021.

Mega First Corporation Berhad, mungkin penerbit tersenarai seterusnya yang menjemput pemegang saham dan pihak berkepentingan untuk menyertai taklimat maya keputusan suku pertama tahun 2022 melalui pengumuman syarikat.

Bermula pada tahun 2023, Tune Protect Group Berhad memulakan taklimat keputusan suku tahunan untuk pelabur runcit, yang mana sesi pertama taklimat keputusan suku ke-empat tahun 2022 disiarkan secara terbuka melalui YouTube pada 22 Februari 2023.

Tindakan syarikat-syarikat ini wajar dipuji kerana mereka merapatkan jurang dalam penyebaran maklumat dengan menyediakan akses yang dibuka kepada umum untuk mengikuti taklimat keputusan syarikat. Kami berharap untuk melihat lebih banyak penerbit tersenarai mengikuti jejak langkah mereka.

Penyertaan pasaran oleh pemegang saham runcit memberikan kesan yang mendalam ke atas pasaran saham, masing-masing menyumbang 37% dan 26% daripada jumlah nilai sekuriti yang didagangkan pada tahun 2021 dan 2022. Sehubungan itu, syarikat-syarikat perlu memanfaatkan sepenuhnya kemajuan teknologi untuk memupuk penyebaran maklumat yang adil dan saksama untuk para peserta pasaran yang berbeza.

Kesimpulannya, ketelusan dalam penzahiran dan pengagihan maklumat yang saksama kepada pelbagai lapisan peserta pasaran oleh syarikat tersenarai dan hubungan pelabur yang teguh adalah penting untuk menarik pelabur domestik dan asing. Mereka adalah antara komponen utama dalam pasaran saham yang berkembang maju.

**Ooi Beng Hooi**  
**Pengurus, Pemantauan Korporat**

---

### **Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 8 hingga 12 Mei 2023**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
10.05.23 (Rabu) 10.00 pagi	Petronas Dagangan Berhad (AGM)	<p>Didorong oleh ekonomi yang semakin pulih, semua perniagaan teras PetDag menunjukkan prestasi yang baik pada tahun kewangan 2022.</p> <p>Pendapatannya bagi tahun kewangan 2022 meningkat 62% berbanding tahun kewangan 2021 kepada RM36.75 bilion.</p> <p>Perniagaan Bahan Api Runcitnya mencatatkan volum jualan tertinggi pernah dicapai, manakala perniagaannya yang lain mencapai pertumbuhan yang ketara tahun ke tahun.</p> <p>Sehubungan itu, untung sebelum cukai Kumpulan melonjak 53% kepada RM1.14 bilion dan untung selepas cukai meningkat 48% kepada RM787.8 juta, selepas mengambil kira Cukai Makmur yang tidak berulang.</p>
10.05.23 (Rabu) 10.00 pagi	RHB Bank Berhad (AGM)	<p>RHB Bank mencapai peningkatan 3.4% dalam untung bersih kepada RM2.71 bilion bagi tahun kewangan 2022 manakala jumlah pendapatan meningkat 6.7% kepada RM8.31 bilion terutamanya daripada pendapatan berasaskan dana bersih yang lebih tinggi. Ia mencatatkan prestasi yang kukuh dalam segmen Runcit dan PKS, manakala Perniagaan Borong Kumpulan menghadapi tahun yang mencabar disebabkan keadaan pasaran yang sukar.</p>
10.05.23 (Rabu) 04.30 petang	Farm Fresh Berhad (EGM)	<p>EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Cadangan pemerolehan 53% daripada saham terbitan diperbesarkan The Inside Scoop Sdn Bhd (TISSB) selepas cadangan dimuktamadkan, pada harga RM68.4 juta, bersama-sama pemberian opsyen jual oleh Farm Fresh Berhad (FFB) yang memihak kepada Edmund Tan Jun Hua ke</li> </ul>

		<p>atas baki saham TISSB yang dipegang oleh beliau.</p> <p>- Cadangan langganan oleh FFB sebanyak 12% daripada saham terbitan TISSB yang diperbesarkan selepas selesai cadangan, dengan wang tunai berjumlah RM15.5 juta.</p>
11.05.23 (Khamis) 10.00 pagi	Malakoff Corporation Berhad (AGM)	<p>Malakoff mengakhiri tahun kewangan 2022 dengan peningkatan 60.2% dalam pendapatan iaitu daripada RM6.46 bilion pada tahun kewangan 2021 kepada RM10.36 bilion. Ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh pembayaran tenaga yang lebih tinggi yang direkodkan oleh Tanjung Bin Power Sdn Bhd (TBP) dan Tanjung Bin Energy Sdn Bhd (TBE), bersandarkan harga arang batu yang lebih tinggi.</p> <p>Kumpulan melaporkan peningkatan 16.1% tahun ke tahun dalam untung bersih kepada RM302.2 juta, terutamanya disebabkan oleh sumbangan yang lebih tinggi daripada TBP, ketiadaan hapus kira perbelanjaan tertunda Segari Energy Ventures Sdn Bhd, tuntutan insurans dan sumbangan yang lebih tinggi daripada syarikat bersekutu dan usaha sama.</p>
11.05.23 (Khamis) 10.00 pagi	Petronas Gas Berhad (AGM)	<p>Kumpulan menjana pendapatan berjumlah RM6.16 bilion iaitu 9% lebih tinggi daripada pendapatan yang dilaporkan pada tahun 2021. Ia adalah hasil sumbangan yang lebih tinggi daripada segmen Utiliti yang mendapat manfaat daripada harga produk yang lebih tinggi.</p> <p>Bagaimanapun, untung bersihnya merosot 17% kepada RM1.76 bilion daripada RM2.11 bilion pada tahun kewangan 2021. Margin keuntungannya terjejas akibat perbelanjaan penggunaan gas dalaman dan gas bahan api yang lebih tinggi serta pergerakan pertukaran matawang asing yang tidak menggalakkan.</p>

12.05.23 (Jumaat) 10.30 pagi	CAB Cakaran Corporation Berhad (EGM)	EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan terbitan bonus yang berjumlah sehingga 233.96 juta waran percuma dalam CAB Cakaran, berdasarkan satu Waran bagi setiap tiga saham sedia ada yang dipegang.
---------------------------------	--------------------------------------	--

<b>Perkara penting untuk diketengahkan:</b>	
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan</b>
Petronas Dagangan Berhad (AGM)	<p>Sebahagian besar stesen PETRONAS dikendalikan oleh Rakan Niaga yang dilantik menerusi proses pemilihan yang ketat dan disediakan latihan yang berterusan. Perniagaan Bahan Api Runcit atau RetailFuel mengurus stesen Petronas melalui tiga kategori pengedar iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Milik Syarikat, Dikendalikan Oleh Pengedar iaitu stesen yang dimiliki oleh syarikat pembekal minyak dan diusahakan oleh pengusaha yang dilantik oleh syarikat pembekal minyak (<i>Company-Owned, Dealer-Operated</i> atau CODO);</li> <li>- Milik Pengedar, Dikendalikan Oleh Pengedar iaitu stesen yang dibiayai dan dimiliki sepenuhnya oleh individu atau syarikat yang mengusahakan stesen minyak tersebut (<i>Dealer-Owned, Dealer Operated</i> atau DODO) dan</li> <li>- Milik Syarikat, Dikendalikan Oleh Syarikat (<i>Company Owned, Company Operated, atau COCO</i>) yang dilancarkan baru-baru ini.</li> </ul> <p>a) Mengapakah model COCO tidak diguna pakai sebelum ini?</p> <p>b) Apakah kelebihan model COCO?</p> <p>c) Adakah Petronas bercadang untuk menukarkan stesen model CODO sedia ada kepada model COCO?</p>
RHB Bank Berhad (AGM)	<p>Sebuah konsortium yang terdiri daripada RHB dan Boost Holdings (anak syarikat tidak langsung Axiata Group Berhad) telah berjaya mendapatkan kelulusan daripada Bank Negara Malaysia untuk lesen perbankan digital pada April 2022.</p> <p>Berikutan itu, kedua-dua pihak secara bersama telah memperbadankan Boost Berhad pada Mac 2023 untuk menjadi sebuah entiti sah yang menjalankan perniagaan perbankan digital. RHB dan Boost Holdings masing-masing memegang 40% dan 60% dalam Boost Berhad.</p> <p>a) Dilaporkan bahawa bank digital itu akan memulakan operasi secara langsung pada separuh kedua tahun 2023 atau selewat-lewatnya pada suku pertama tahun 2024.</p>

	<p>Adakah perkembangan konsortium ini berada dalam landasan untuk mencapai garis masa yang ditetapkan? Setakat manakah tahap kemajuan bank digital ini sekarang? Adakah bank digital ini telah diletakkan di bawah semakan kesediaan operasi oleh BNM?</p> <p>b) Adakah parameter yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak berhubung pencalonan dan pelantikan pengarah serta jawatan pengurusan kanan?</p> <p>c) RHB mempunyai pengetahuan yang luas tentang perkhidmatan perbankan manakala Boost Holdings menawarkan pengalaman yang kukuh dalam teknologi kewangan (<i>fintech</i>).</p> <p>Adakah peranan dan tanggungjawab RHB dan Boost dalam konsortium ini?</p> <p>d) Segmen manakah daripada populasi yang tidak mendapat perkhidmatan atau kurang diberikan perkhidmatan yang disasarkan oleh bank digital ini? Adakah jenis-jenis produk sulung yang dirancang oleh bank digital ini untuk ditawarkan kepada orang ramai? Misalnya, deposit, pinjaman?</p> <p>e) Pangkalan pelanggan RHB yang kukuh serta akses yang luas kepada penduduk tempatan melalui kedai-kedai runcit adalah antara kekuatan utama bank digital yang dicadangkan berbanding pemohon-pemohon lain.</p> <p>Bolehkah bank digital ini menggunakan kumpulan data asas pelanggan RHB yang besar secara sah? Bagaimanakah pengaturan berkaitan perkongsian maklumat dan data?</p>
Farm Fresh Berhad (EGM)	<p>"Berebalkan sokongan rangkaian pengedaran dan penyumbang modal Kumpulan, Kumpulan The Inside Scoop Sdn Bhd ("TISSB") dijangka memasuki pasaran Aiskrim dalam bentuk Barangan Pakej Pengguna (<i>Consumer Package Goods, CPG</i>) dengan melancarkan produk Ais Krim CPGnya kira-kira setahun dari Tarikh Siap dengan matlamat untuk menguasai 5% hingga 10% bahagian pasaran dalam pasaran Ais Krim CPG Malaysia dalam jangka sederhana, serta untuk mengeksport produk Ais Krim CPG ke negara-negara jiran di Asia Tenggara." (Halaman 18, Pekeliling)</p> <p>a) Berapakah anggaran saiz pasaran Ais Krim CPG di Malaysia?</p> <p>b) Dimanakah lokasi kemudahan pengilangan untuk Ais Krim CPG ini? Jika lokasinya di kilang baharu di Bandar Baru Enstek, adakah kilang ini dapat disiapkan tepat pada masanya? Ini adalah kerana pengambilalihan sebidang tanah perindustrian pegangan bebas di Bandar</p>

	<p>Baru Enstek baru sahaja dimuktamadkan pada bulan Januari 2023.</p> <p>c) Berapakah kapasiti pengeluaran di peringkat awal dan berapakah perbelanjaan modal yang dibajetkan?</p>
Malakoff Corporation Berhad (AGM)	<p>Kumpulan sedang memerhatikan beberapa projek dan akan menjadi sebahagian daripada loji janakuasa dan pembekal gas bersepadu Pulau Bunting di Yan, Kedah, yang diumumkan pada 1 September 2022. Pembangunan itu merangkumi loji janakuasa turbin gas kitaran gabungan dengan kapasiti 1,400 MW. (Halaman 36, Laporan Bersepadu 2022)</p> <p>a) Berapakah kepentingan berkesan Malakoff dalam projek yang dicadangkan?</p> <p>b) Apakah status semasa projek tersebut?</p> <p>c) Adakah kemajuan projek ini terjejas atau tertangguh dengan pertukaran Kerajaan Persekutuan selepas Pilihan Raya Umum Ke-14?</p> <p>d) Bagaimanakah projek itu dibiayai?</p> <p>e) Bilakah jangkaan permulaan pembinaan dan tarikh siap projek itu?</p>
Petronas Gas Berhad (AGM)	<p>Tarif Pengawalseliaan berasaskan Insentif baharu telah diperkenalkan di bawah Tempoh Kawal Selia 2 (<i>Regulatory Period 2</i> atau RP2) bagi pengangkutan gas dan perkhidmatan pengegasan semula iaitu dari tahun 2023 hingga 2025. Ia dijangka menjana pendapatan yang lebih rendah untuk Gas PGB. Segmen perniagaan Pengangkutan dan Pengegasan Semula (halaman 44, Laporan Bersepadu 2022).</p> <p>a) Apakah kesan kewangan yang dijangka daripada semakan tarif ini terhadap keuntungan PETGAS bagi tahun 2023?</p> <p>b) Keuntungan PETGAS pada tahun 2022 dipengaruhi oleh kos bahan api yang tinggi dan pergerakan mata wang yang tidak menggalakkan. Adakah P2 mengambil kira faktor seperti kos bahan api dan kadar pertukaran asing Dolar AS seperti yang dihadapi oleh PETGAS?</p>

#### PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([jackson@mswg.org.my](mailto:jackson@mswg.org.my))

Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([clint.loh@mswg.org.my](mailto:clint.loh@mswg.org.my))

### **PENDEDAHAN KEPENTINGAN**

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.
- 

### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.